

JABATAN KORPORAT

TARIKH:13.062024 MASA:09.30am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
SETIAUSAHA BANDARAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN KERUSI BATU REKREASI DI
DATARAN KUALA HAJI IBRAHIM, SUNGAI ACHEH**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 JUN 2024 (JUMAAT)
10.10 PAGI**

**DATARAN KUALA HAJI IBRAHIM
SUNGAI ACHEH
NIBONG TEBAL**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tuan Haji Rashidi Bin Zinol

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pengerusi Jawatankuasa

Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar

Yang Dihormati

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Abdul Malik Bin A. Razak

Pengerusi Kelab Kebajikan Kuala Haji Ibrahim

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Majlis Penyerahan Kerusi Batu Rekreasi di Dataran Kuala Haji Ibrahim, Sungai Aceh, Nibong Tebal.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rashidi bin Zinol, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar yang sudi hadir merasmikan Majlis pada pagi yang berbahagia ini.
3. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Majlis, Pegawai-Pegawai Kanan, Pengerusi dan Ahli Kelab Kebajikan dan Rekreasi N21 Sungai Aceh, Ahli Jawatankuasa MPKK ADUN Sg. Aceh, para penduduk setempat, pengunjung dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini

4. Kuala Haji Ibrahim di Kampung Sungai Udang, kini telah berubah wajah dan menjadi satu daya tarikan serta tumpuan orang ramai di Seberang Perai Selatan. Para pengunjung boleh menaiki bot menyusuri muara sungai sambil menikmati panorama indah alam semula jadi paya bakau dan juga melakukan aktiviti menangkap ikan dan udang.
5. Dengan adanya Dataran Kuala Haji Ibrahim ini, membolehkan penduduk setempat dan pengunjung untuk berehat dan bersantai sambil menikmati suasana serta keindahan semulajadi. Dataran ini merupakan destinasi yang sempurna, yang dapat memberi ketenangan kepada sesiapa sahaja yang berkunjung dan bersantai disini.
6. Usaha menaik taraf ini memberi manfaat baik kepada masyarakat setempat dan ianya mampu meningkatkan taraf hidup dengan mencipta peluang menjana pendapatan. Usaha menaik taraf kawasan ini mendapat maklum balas yang memberangsangkan dan pihak terlibat akan meneliti lokasi lain yang berpotensi untuk dibangunkan dan memberi manfaat kepada penduduk.
7. Bagi tujuan kegunaan penduduk setempat dan pengunjung yang berkunjung di Dataran Kuala Haji Ibrahim ini, hari ini MBSP menyerahkan enam (6) buah kerusi batu rekreasi dan empat (4) set kerusi dan meja batu. Penyerahan kerusi dan meja batu, adalah

salah satu inisiatif MBSP untuk kesejahteraan awam untuk berehat atau bersantai serta mengukuhkan hubungan komuniti.

8. Kerusi batu rekreasi ini adalah barangan *upcycle* yang dibuat dan disediakan oleh Unit *Upcycle* MBSP. MBSP telah menubuhkan Unit *Upcycle* bertujuan bagi menggalakkan aktiviti *upcycle* di kalangan penduduk Seberang Perai dengan mempergiatkan pelbagai aktiviti pendidikan dan promosi di sekolah-sekolah, agensi kerajaan dan swasta, serta institusi pengajian tinggi. Sebanyak 42 kakitangan di dalam Unit *Upcycle* telah membantu bagi menaikkan industri *upcycle* di Seberang Perai.
9. Kerusi dan meja batu diperbuat daripada bahan yang dikitar semula seperti guni, kain buruk, besi dan simen. Kerusi batu ini mengambil masa selama tiga (3) minggu untuk disiapkan sepenuhnya.
10. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya menyeru kepada penduduk atau komuniti setempat serta para pengunjung untuk bersama-sama dengan MBSP menjaga kemudahan yang disediakan di Dataran Kuala Haji Ibrahim ini dan mengelakkan perlakuan vandalisma. Jagalah dataran dan kawasan persekitaran ini sebagaimana kita menjaga harta kita sendiri. Merosakkan harta awam ini umpama kita menjejaskan kualiti hidup masing-masing kerana

kemudahan awam disediakan bagi manfaat seluruh masyarakat. Semoga penyerahan kerusi batu rekreasi ini memberi manfaat kepada anda semua.

11. Saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rashidi bin Zinol, Kelab Kebajikan dan Rekreasi N21 Sungai Acheh, pihak MPKK ADUN Sg. Acheh, komuniti setempat dan para pengunjung yang sentiasa memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP. Terima kasih juga kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan program pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***